

PERLINDUNGAN

A-Life *Joy-i*

# Perlindungan Awal Untuk Permata Kesayangan Anda



AIA PUBLIC  
TAKAFUL

Sebahagian dari



THE REAL LIFE  
COMPANY

PT0120092/0517



Sebahagian dari



THE REAL LIFE  
COMPANY



AIA PUBLIC  
TAKAFUL

aia.com.my

## Melihat faedah dengan lebih dekat

Menjadi ibubapa adalah salah satu detik paling menggembirakan di dalam hidup anda. Memiliki anak membawa banyak perubahan yang menarik kepada diri anda, dan kami mahu memberikan ketenteraman dan keselamatan yang anda perlukan dalam menempuh kehidupan sebagai ibubapa.



### LINDUNGİ ANAK ANDA WALAUPUN SEMASA ANDA SEDANG HAMIL

Anda boleh menyertai A-Life *Joy-i* sekiranya anda hamil lebih daripada 14 minggu. Jika anda telah menyertai A-Life *Lady360-i*, anda boleh menikmati perlindungan daripada A-Life *Joy-i* walaupun anda hamil kurang daripada 14 minggu tanpa melalui pengunderaitan perubatan.\*



### TINGKATKAN PERLINDUNGAN ANAK ANDA DI TAHUN-TAHUN AWAL

Dengan A-Plus *BabyCare-i*, bayi anda akan dilindungi sekiranya dia perlu diwadkan di dalam Neonatal ICU (NICU), Wad Rawatan Separa Rapi (HDU) atau dimasukkan ke dalam inkubator. Buat pertama kali di Malaysia, pelan ini juga menyediakan perlindungan untuk Autisme dan Gangguan Defisit Perhatian dan Hiperaktif.



### PELAN PERLINDUNGAN DAN SIMPANAN MENYELURUH UNTUK ANAK ANDA

Dengan A-Life *Joy-i*, anak anda akan mendapat perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK)<sup>1</sup> sehingga mereka mencapai umur 100 tahun. Terdapat juga pelbagai pilihan rider-rider termasuk A-Plus *Junior CriticalCare-i*, dan dana-dana berkaitan pelaburan yang boleh disertakan kepada A-Life *Joy-i* untuk memastikan keperluan perlindungan dan simpanan anak anda dicapai sepanjang hidup mereka.



### NIKMATI PERLINDUNGAN DUA KALI GANDA DENGAN CIRI PERTUMBUHAN AUTO

Semakin anak anda membesar, keperluan perlindungan mereka juga akan meningkat. Dengan ciri Pertumbuhan Auto, amaun perlindungan anak anda akan digandakan dua kali secara automatik apabila dia mencapai umur 18 tahun<sup>2</sup>, tanpa melalui pengunderaitan perubatan.



### PERLINDUNGAN DAN SIMPANAN YANG FLEKSIBEL



### SIMPANAN PENDIDIKAN MELALUI A-Plus ScholarSaver-i<sup>5</sup>



### PENYELESAIAN PATUH SYARIAH

Caruman untuk pelan ini adalah berpatutan, bermula daripada RM 150 sebulan. Anda mempunyai fleksibiliti untuk meningkatkan atau mengurangkan perlindungan anak anda menurut keperluan. Anda juga boleh menyimpan lebih<sup>3</sup> apabila pendapatan anda bertambah, membuat pengeluaran<sup>4</sup> wang apabila anda perlukannya, atau menukar di antara dana-dana berkaitan pelaburan untuk menepati tahap toleransi risiko anda.

Sekiranya anda mampu, anda boleh memasukkan sedikit wang ke dalam A-Plus *ScholarSaver-i* untuk membentuk dana simpanan pendidikan untuk anak anda. Apabila anak anda berumur 18 tahun, anda akan menerima nilai akaun di bawah A-Plus *ScholarSaver-i* sebagai bayaran sekaligus – tepat pada masanya untuk membayar kos pengajian tinggi mereka. Sekiranya anda menyertakan A-Plus *Payor Extra-i* kepada A-Life *Joy-i*, amaun yang diperuntukkan ke dalam A-Plus *ScholarSaver-i* boleh melayakkan anda untuk pelepasan cukai peribadi sehingga RM 3,000 setahun untuk Takaful kesihatan dan pendidikan, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Nikmati perlindungan patuh Syariah – Penuhi matlamat kewangan anda dengan instrumen pelaburan Islam.

\* Tertakluk kepada terma dan syarat.

<sup>1</sup> Perlindungan HUMK sehingga umur 70.


<sup>2</sup> Bergantung kepada sama ada amaun perlindungan awal atau amaun perlindungan semasa, mana-mana yang lebih rendah, tertakluk kepada maksimum RM 100,000 setiap sijil.

<sup>3</sup> Amaun minimum untuk sebarang tokokan tidak berjadual adalah RM 500.

<sup>4</sup> Amaun pengeluaran minimum adalah RM 1,000 dan mesti terdapat minimum baki nilai akaun RM 1,000.

<sup>5</sup> A-Plus *Saver-i* akan tersedia selepas A-Plus *ScholarSaver-i* ditamatkan selepas pembayaran.

## Bagaimana untuk bermula?



## Soalan-Soalan Lazim

### S: Apakah maksud Takaful?

Takaful ialah skim saling bantu-membantu berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk membuat sumbangan berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam suatu dana, iaitu Dana Risiko Peserta (DRP), yang akan digunakan untuk saling bantu-membantu di saat diperlukan.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) sebagai Pengendali Takaful diamanahkan untuk melabur dengan sewajarnya dan menguruskan dana ini berdasarkan strategi pelaburan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

### S: Apakah itu A-Life Joy-i?

A-Life *Joy-i* adalah pelan Takaful berkaitan pelaburan caruman berkala yang patuh syariah. Ia menyediakan perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK). Pelan ini disertakan dengan ciri Pertumbuhan Auto yang akan meningkatkan amaun perlindungan kepada 200% secara automatik apabila anak anda mencapai umur 18 tahun, tertakluk kepada terma dan syarat.

A-Life *Joy-i* juga memberikan anda fleksibiliti untuk meningkatkan perlindungan, termasuk semasa hamil, dengan menawarkan pilihan-pilihan rider yang boleh disertakan bersama.

### S: Siapakah yang layak menyertai A-Life Joy-i?

Sesiapa yang berumur 18 tahun ke atas boleh menyertai A-Life *Joy-i* untuk anak mereka yang berumur di antara 14 hari dan 15 tahun. Untuk penyertaan semasa hamil, ianya layak untuk wanita hamil yang berumur di antara 18 dan 45 tahun, dan tempoh kehamilan kurang daripada 35 minggu gestasi.\*

\*Nota: Penyertaan semasa kehamilan kurang daripada 14 minggu gestasi hanya tersedia kepada peserta yang telah menyertai A-Life *Lady360-i*.

### S: Apakah tempoh perlindungan A-Life Joy-i?

Pelan ini melindungi anak anda sehingga umur 100, dengan syarat sijil itu adalah sah dan nilai akaun mencukupi untuk menampung *Tabarru'* dan caj-caj sijil yang lain.

### S: Apakah caruman minimum untuk saya menyertai A-Life Joy-i?

Caruman minimum A-Life *Joy-i* adalah RM 1,800 setahun.

## S: Bagaimakah caruman saya diperuntukkan?

Caruman Yang Dibayar Oleh Anda:	
Caruman Yang Diperuntukkan	Yuran Wakalah
• Caruman yang diperuntukkan ialah baki Caruman yang dibayar selepas ditolak yuran Wakalah. Caruman-caruman yang diperuntukkan akan diguna untuk membeli unit-unit berdasarkan harga unit.	• <i>Wakalah</i> adalah kontrak di antara Peserta dengan Pengendali Takaful, di mana Peserta memberi kebenaran kepada Pengendali Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk menjalankan urusan-urusan Takaful.
• Unit yang dibeli akan dimasukkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP).	• Yuran Wakalah ditolak sebagai peratusan daripada Caruman untuk membayar perkhidmatan yang disediakan oleh Pengendali Takaful.
• Sebahagian unit-unit akan ditolak sebagai <i>Tabarru'</i> secara bulanan dan dikreditkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP).	• Yuran Wakalah akan digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan kos pengagihan secara langsung oleh Pengendali Takaful, termasuk komisyen yang dibayar kepada ejen-ejen.

Caruman-caruman yang diperuntukkan akan digunakan untuk membentuk akaun-akaun berikut di dalam A-Life *Joy-i*:

Jenis-jenis Akaun	Penerangan
Dana Pelaburan Peserta (DPP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>DPP individu terdiri daripada unit-unit (dikenali sebagai nilai akaun) yang dihasilkan dengan melaburkan caruman yang diperuntukkan yang dibayar oleh Peserta ke dalam Dana-dana Berkaitan Pelaburan.</li> <li>DPP terdiri daripada Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan. Caruman perlindungan untuk A-Life <i>Joy-i</i> dan tokokan tidak berjadual akan diperuntukkan ke dalam Akaun Perlindungan manakala caruman A-Plus <i>ScholarSaver-i</i> / A-Plus <i>Saver-i</i> untuk A-Life <i>Joy-i</i> akan diperuntukkan ke dalam Akaun Simpanan.</li> </ul>
Dana Risiko Peserta (DRP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>DRP adalah dana di mana <i>Tabarru'</i> dikreditkan untuk tujuan menyediakan perlindungan dan membayar tuntutan-tuntutan ke atas perkara / risiko di bawah sijil Takaful.</li> <li><i>Tabarru'</i> ditolak secara bulanan daripada nilai dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan (jika Akaun Perlindungan tidak mencukupi)* dan dikreditkan ke dalam DRP.</li> <li><i>Tabarru'</i> adalah derma dan digunakan bagi tujuan saling bantu-membantu di kalangan Peserta-peserta yang memerlukan bantuan.</li> </ul>

\*Dengan syarat Peserta memberi kebenaran untuk penolakan tersebut.

Terdapat 2 jenis caruman di bawah A-Life *Joy-i*, iaitu Caruman Takaful dan Caruman Tokokan:

Jenis Caruman	Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7-10	>=11
Caruman Takaful	Caruman yang Diperuntukkan (%)	40	40	50	70	80	80	95	100
	Yuran Wakalah	60	60	50	30	20	20	5	0
Caruman Tokokan (Caruman Tokokan tidak berjadual A-Plus <i>ScholarSaver-i</i> / A-Plus <i>Saver-i</i> )	Caruman yang Diperuntukkan (%)							95	
	Yuran Wakalah							5	

## S: Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

### i) Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah caruman yang tidak diperuntukkan, dipotong mengikut peratusan caruman seperti di atas, untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan kos pengagihan secara langsung oleh Pengendali Takaful, termasuk komisyen yang dibayar kepada Perancang-Perancang Hayat.

### ii) *Tabarru'*

*Tabarru'* ditolak setiap bulan bergantung kepada umur tercapai orang dilindungi dan ia akan meningkat mengikut peningkatan umur orang dilindungi.

### iii) Caj Perkhidmatan Bulanan

Caj perkhidmatan bulanan ditolak setiap bulan melalui pemotongan unit dari nilai akaun anda seperti di bawah:

Mod Pembayaran Caruman	Caj Perkhidmatan Bulanan
Tahunan, Setengah Tahunan dan Suku Tahunan	RM 6.36
Bulanan	RM 7.42

*Nota: Caj perkhidmatan di atas adalah termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar semasa iaitu 6% dan mungkin tertakluk kepada perubahan*

### iv) Caj Pengurusan Dana

No.	Dana	Caj Semasa*
1	A-Dana Income	0.5% setahun
2	A-Dana Equity	1.5% setahun
3	A-Dana Balanced	1.2% setahun

\*Dicaj sebagai peratusan dari nilai aset bersih.

*Nota: Pengendali Takaful berhak untuk menyemak semula caj-caj ini dengan memberi Peserta-peserta notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.*

## S: Bagaimana saya menentukan jenis dana untuk portfolio pelaburan saya?

Anda perlu tahu toleransi risiko peribadi anda apabila memilih portfolio pelaburan anda. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Dana Berkaitan Pelaburan dan faedah serta risikonya di dalam Helaian Fakta Dana.

Setiap Dana Berkaitan Pelaburan kami adalah tertakluk kepada caj pengurusan dana. Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Produk untuk jenis dana yang tersedia untuk A-Life *Joy-i* dan caj-cajnya yang tertentu.

## S: Berapakah jenis dana yang terdapat untuk A-Life Joy-i ?

Terdapat 3 jenis dana berkaitan pelaburan untuk A-Life Joy-i. Anda boleh mengetahui lebih lanjut dengan merujuk kepada Helaian Fakta Dana.

No.	Nama Dana	Objektif Pelaburan	Instrumen
1	<b>A-Dana Income</b>	Untuk menyediakan aliran pulangan pendapatan yang mantap dan selamat.	Melabur ke dalam sekuriti pendapatan tetap [Sukuk], instrumen pasaran kewangan Islam dan Amanah Pelaburan Hartanah [REIT] yang diluluskan Syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
2	<b>A-Dana Equity</b>	Untuk menyediakan pertumbuhan jangka masa sederhana dan panjang.	Melabur ke dalam ekuiti yang diluluskan Syariah, Amanah Pelaburan Hartanah [REIT] dan sekuriti berkaitan ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
3	<b>A-Dana Balanced</b>	Untuk memaksimumkan jumlah pulangan dengan tahap keselamatan modal yang munasabah.	Melabur ke dalam instrumen patuh Syariah berdenominasi ringgit termasuk sukuk, ekuiti, dan amanah saham yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Harga-harga unit untuk dana-dana berkaitan pelaburan diterbitkan dalam laman web kami di [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my).

## S: Adakah saya layak untuk menukar dana dan apakah caj-caj untuk penukaran dana?

Ya, anda dibenarkan untuk menukar dana-dana berkaitan pelaburan anda mengikut tahap toleransi risiko anda. Caj penukaran dana adalah percuma buat masa ini. Kami berhak menyemak semula caj tersebut dengan memberi anda notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.

## S: Adakah saya akan mendapat lebihan?

Lebihan akan ditentukan dan diisyiharkan, jika ada, sekurang-kurangnya setahun sekali oleh Pengendali Takaful. Jika ada lebihan daripada DRP, lebihan bersih, selepas ditolak dengan tuntutan yang perlu dibayar, rizab berkanan dan modal kemampuan bayar yang diperlukan akan diagihkan kepada Pengendali Takaful dan Peserta-peserta yang layak mengikut nisbah berikut:

Pengendali Takaful	Peserta
Lebihan dalam DRP	50%

Lebihan akan dikongsi dengan peserta-peserta yang layak mengikut peruntukan Tabarru' dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Perlindungan setiap DPP individu.

## S: Adakah caruman yang dibayar untuk A-Life Joy-i layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya, anda boleh layak untuk pelepasan cukai peribadi bagi caruman yang dibayar. Pelepasan cukai peribadi tersebut adalah sehingga RM 6,000 setahun untuk premium insurans hayat dan caruman EPF. Jika anda sertakan A-Plus PayorExtra-i kepada A-Life Joy-i, caruman yang dibayar di bawah A-Plus ScholarSaver-i boleh melayakkan anda untuk pelepasan cukai peribadi sehingga RM 3,000 setahun di bawah kategori premium insurans untuk faedah pendidikan dan kesihatan. Pelepasan cukai yang sebenar adalah tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

## Untuk perhatian anda

### Pendedahan Am

1. Anda harus memastikan pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar amaun caruman yang perlu dibayar di bawah sijil ini.
2. Jika sijil ini dibatalkan dalam tempoh percubaan 15 hari, yuran Wakalah, Nilai Akaun (jika ada), sebarang Tabarru' dan Caj Perkhidmatan Bulanan yang telah ditolak selepas dikurangkan perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dipulangkan.
3. Tabarru' untuk pelan ini adalah tidak dijamin dan AIA PUBLIC berhak untuk menyemak semula Tabarru' dengan memberi Peserta 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.
4. **Pelan ini merupakan pelan Takaful Berkaitan Pelaburan yang terikat kepada prestasi pendasar aset, dan ianya bukan satu produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
5. Jika anda tidak membayar caruman, sijil anda akan terus berkuatkuasa, selagi Nilai Akaun dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) adalah mencukupi untuk menampung caj-caj yang berkaitan. Jika sebarang caruman tidak dibayar dan Nilai Akaun DPP tidak mencukupi untuk menampung caj-caj sijil berkaitan, sijil anda akan luput selepas tempoh ihsan.
6. Pelan Takaful ini tidak menyediakan faedah daripada Dana Risiko Peserta (DRP) selepas penamatkan, mencapai tempoh matang atau apabila sijil ditamatkan.
7. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk faedah-faedah yang dijamin dalam pelan ini.
8. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga caruman berkala adalah satu komitmen jangka panjang. Anda dinasihatkan supaya tidak memiliki pelan ini hanya untuk jangka masa yang pendek sahaja kerana kos permulaannya adalah tinggi.
9. Anda mungkin mahu mempertimbangkan penyertaan dalam Pelan Takaful berkaitan pelaburan caruman tunggal untuk memaksimumkan pulangan pelaburan anda dengan perlindungan hayat yang minimum. Walau bagaimanapun, pilihan ini mungkin tidak boleh memenuhi keperluan perlindungan anda.
10. Risalah ini hanya memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan ini. Ia tidak membentuk satu Sijil Takaful. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut tentang terma dan syarat yang ditetapkan.
11. Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada *insuranceinfo booklet* mengenai "Takaful Keluarga", "Takaful Berkaitan Pelaburan" dan "Perubatan dan Kesihatan Takaful" di mana-mana AIA Customer Centre, atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

## Pendedahan Berkaitan Dana

1. Sebelum melabur ke dalam Dana Berkaitan Pelaburan ("Dana"), anda perlu mengambil kira sama ada Dana ini memenuhi objektif pelaburan dan tahap risiko anda.
2. Anda harus sedia maklum bahawa mana-mana pelaburan mempunyai risiko pelaburan yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Peserta.
3. Nilai Akaun dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) tidak dijamin dan akan berubah-ubah berdasarkan prestasi Dana, dan pulangan mungkin kurang daripada jumlah caruman yang disumbangkan kepada Dana.
4. Pulangan Dana (jika ada) akan berdasarkan kepada prestasi sebenar daripada Dana. Aset yang mendasari setiap Dana dinilai pada setiap hari perniagaan untuk menentukan harga unit.
5. Prestasi Dana ini tidak terjamin dan nilai pelaburan dan pendapatan yang diperolehi boleh meningkat atau berkurangan. Prestasi masa lalu bukan panduan kepada prestasi akan datang atau berkemungkinan.
6. AIA PUBLIC berhak untuk menggantung penerbitan atau penebusan unit-unit dalam mana-mana keadaan luar biasa seperti penutupan sementara mana-mana bursa berdaftar yang berkaitan atau kemungkinan kesan buruk kesan jualan umum pelaburan dalam tempoh yang singkat.

## Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Sila maklum bahawa bermula 1 April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan ke atas *Tabarru'* yang perlu dibayar pada kadar semasa untuk rider-rider bercukai sijil anda, jika dilampirkan bersama sijil anda. GST juga boleh dicaj ke atas yuran dan caj yang dikenakan kepada sijil anda. Amaun ini akan ditolak dari Nilai Akaun sijil anda.

Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini dan tidak menyeluruh. Anda disarankan untuk mendapatkan salinan Ilustrasi Produk, Helaian Pendedahan Produk dan Helaian Fakta Dana untuk maklumat lanjut tentang produk ini. Untuk penjelasan terperinci berkenaan faedah, pengecualian, terma dan syaratnya, sila rujuk kepada Sijil Takaful.

## A closer look at the benefits

Becoming a parent is one of the most joyful moments in your life. Having a child changes you in many surprising ways, and we'd like to provide you with the comfort and security that you need on your journey through parenthood.



### PROTECT YOUR CHILD EVEN WHEN YOU ARE EXPECTING

You can sign up for **A-Life Joy-i** when you are more than 14 weeks pregnant. If you have participated in **A-Life Lady360-i**, you have the privilege to participate in **A-Life Joy-i** when you are less than 14 weeks pregnant without medical underwriting.\*



### ENHANCE YOUR CHILD'S EARLY YEARS COVERAGE

With **A-Plus BabyCare-i**, your baby will be covered if he or she needs to be warded in the Neonatal ICU (NICU), High Dependency Unit (HDU) or placed in the incubator. For the first time in Malaysia, this plan also provides coverage for Autism and Attention Deficit Hyperactivity Disorder.



### ALL-IN-ONE PROTECTION AND SAVINGS PLAN FOR YOUR CHILD

With **A-Life Joy-i**, your child will be covered for death and total and permanent disability (TPD)<sup>1</sup> until they reach age 100. There is also a wide range of optional riders including **A-Plus Junior CriticalCare-i**, and investment-linked funds that can be added-on to **A-Life Joy-i** to ensure that your child's protection and savings needs are met throughout their life.



### ENJOY TWICE THE COVERAGE WITH THE AUTOGROWTH FEATURE

As your child grows up, his or her coverage needs will also increase. With the AutoGrowth feature, your child's coverage amount will be automatically doubled when he or she turns 18<sup>2</sup>, without going through medical underwriting.



### FLEXIBLE PROTECTION AND SAVINGS

Contributions for this plan are affordable, starting from RM 150 per month. You have the flexibility to increase or decrease your child's coverage according to his or her needs. You can also save more<sup>3</sup> when your income increases, withdraw<sup>4</sup> the money when you need it, or switch between investment-linked funds to suit your risk appetite.



### EDUCATION SAVINGS VIA A-Plus ScholarSaver-i<sup>5</sup>


If you can afford it, you can set aside some money in **A-Plus ScholarSaver-i** to build an education savings fund for your child. When your child turns 18, you will receive the account value under **A-Plus ScholarSaver-i** as a lump sum – just in time for you to pay for his or her tertiary education. If you attach **A-Plus PayorExtra-i** to **A-Life Joy-i**, the amount allocated into **A-Plus ScholarSaver-i** may qualify you for personal tax relief up to RM 3,000 per annum under the category of insurance premiums for education and medical benefits, subject to the final decision of Inland Revenue Board.



### SHARIAH COMPLIANT SOLUTIONS

Enjoy Shariah compliant protection - Meet your financial goals with Islamic investment instruments.

## How to get started?



\* Terms and conditions apply.

<sup>1</sup> TPD coverage is up to age 70.

<sup>2</sup> Based on either the initial coverage amount or the current coverage amount, whichever is lower, subject to a maximum of RM 100,000 per certificate.

<sup>3</sup> The minimum amount for any ad-hoc top up is RM 500.

<sup>4</sup> The minimum withdrawal amount is RM 1,000 and there must be a minimum remaining account value of RM 1,000.

<sup>5</sup> A-Plus *Saver-i* shall be made available after A-Plus *ScholarSaver-i* is terminated after the payout.

## Frequently Asked Questions

### Q: What is Takaful?

Takaful is a mutual assistance scheme based on the principles of solidarity, brotherhood, and cooperation. Each participant agrees to contribute on the basis of *Tabarru'* (donation) into a fund, namely the Participants' Risk Fund (PRF), which will be used to assist each other in times of need.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) as a Takaful Operator is entrusted to properly invest and manage this fund in accordance with the investment strategy that complies with Shariah principles.

### Q: What is A-Life *Joy-i* ?

A-Life *Joy-i* is a shariah-compliant regular contribution investment-linked Takaful plan. It provides coverage on death and total and permanent disability (TPD). This plan comes with an AutoGrowth feature which will automatically increase the coverage amount to 200% when your child turns 18, subject to terms and conditions.

A-Life *Joy-i* also gives you the flexibility to enhance the coverage, even during pregnancy, by offering a wide range of attachable riders.

### Q: Who is eligible to participate in A-Life *Joy-i* ?

Any person aged 18 and above can participate in A-Life *Joy-i* for their child aged between 14 days to 15 years old. For participation during pregnancy, it is applicable for pregnant woman who is between 18 years old and 45 years old, and less than 35 gestation weeks.\*

\*Note: Participation during pregnancy stage of less than 14 gestation weeks is only applicable to existing participant of A-Life *Lady360-i*.

### Q: What is the coverage period for A-Life *Joy-i* ?

This plan covers your child up to age 100, provided that the certificate is valid and the account value is sufficient to cover the *Tabarru'* and other certificate charges.

### Q: What is the minimum contribution for A-Life *Joy-i* that I can participate?

The minimum contribution for A-Life *Joy-i* is RM 1,800 annually.

### Q: How is my contribution being allocated?

Regular Contribution Paid by You:	
Allocated Contribution	Wakalah Fee
<ul style="list-style-type: none"> <li>Allocated contribution is the balance of the Contribution paid after deducting the Wakalah fee. The allocated contributions will be used to purchase units based on unit price.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Wakalah</i> is the contract between the Participant and the Takaful Operator, where the Participant authorizes the Takaful Operator to act on their behalf to conduct the affairs of Takaful business.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>The unit purchased will be placed into Participant's Investment Fund (PIF).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Wakalah</i> fee is deducted as a percentage of Contribution to pay the Takaful Operator for these services.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>A portion of the units will be deducted as <i>Tabarru'</i> on a monthly basis and credited into the Participants' Risk Fund (PRF).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Wakalah</i> fee will be used to meet the Takaful Operator's expenses and direct distribution costs, including commission payable to the agents.</li> </ul>

The allocated contributions will be used to create the following accounts in A-Life *Joy-i*:

Types of Account	Description
Participant's Investment Fund (PIF)	<ul style="list-style-type: none"> <li>The individual PIF consists of units (i.e. account value) created by investing allocated contributions paid by Participant in the investment-linked fund(s).</li> <li>PIF consists of Protection Account and Savings Account. The protection contribution for A-Life <i>Joy-i</i> and ad-hoc top-up will be allocated into Protection Account while A-Plus <i>ScholarSaver-i</i> / A-Plus <i>Saver-i</i> contribution for A-Life <i>Joy-i</i> will be allocated into Savings Account.</li> </ul>
Participants' Risk Fund (PRF)	<ul style="list-style-type: none"> <li>PRF is the fund where <i>Tabarru'</i> are credited into for the purpose of providing protection and meeting claims on the event / risks covered under the Takaful certificate.</li> <li><i>Tabarru'</i> is deducted monthly from the value in the Protection Account and Savings Account (if Protection Account is insufficient)* and credited into PRF.</li> <li><i>Tabarru'</i> is a donation for the purpose of mutual help and assistance to fellow Participant in need.</li> </ul>

\*Provided that the Participant gives consent for the deduction.

There are 2 types of contribution under A-Life *Joy-i*, namely Takaful Contribution and Top-up Contribution:

Types of Contribution	Certificate Year	1	2	3	4	5	6	7-10	>=11
Takaful Contribution	Allocated Contribution (%)	40	40	50	70	80	80	95	100
	Wakalah Fee	60	60	50	30	20	20	5	0
Top-up Contribution (Ad hoc top-up / A-Plus <i>ScholarSaver-i</i> / A-Plus <i>Saver-i</i> contribution)	Allocated Contribution (%)			95					
	Wakalah Fee			5					

#### Q: What are the fees and charges that I have to pay?

##### i) Wakalah Fee

The *Wakalah Fee* is the unallocated contribution deducted as percentage of contribution as shown above, to pay us the expenses and direct distribution cost, including the commission payable to the Life Planners.

##### ii) Tabarru'

The *Tabarru'* is deducted monthly depending on the Person Covered attained age and it will increase as the Person Covered gets older.

##### iii) Monthly service charge

A monthly service charge is deducted monthly via cancellation of units from your account value as follows:

Contribution mode	Monthly Service Charge
Annual, Half-yearly or Quarterly	RM 6.36
Monthly	RM 7.42

Note: The monthly service charge quoted above is inclusive of Goods and Services Tax (GST) based on the prevailing rate of 6 % and may be subject to change.

##### iv) Fund management charge

No.	Funds	Current charge*
1	<b>A-Dana Income</b>	0.5% p.a.
2	<b>A-Dana Equity</b>	1.5% p.a.
3	<b>A-Dana Balanced</b>	1.2% p.a.

\*Chargeable as a percentage of the net asset value.

Note: The Takaful Operator reserves the right to revise the charges by giving the Participants a 3 months' prior written notice.

#### Q: How do I determine the type of fund for my investment portfolio?

You must be aware of your personal risk tolerance when choosing your investment portfolio. You can obtain further information about the nature of our investment-linked fund(s) and its benefits and risks in the Fund Fact Sheet.

Each of our investment-linked fund(s) is subjected to fund management charge. Please refer to the Product Illustration and Product Disclosure Sheet for the type investment-linked fund(s) available for A-Life *Joy-i* and its respective charges.

#### Q: How many funds are available for A-Life *Joy-i* ?

There are 3 investment-linked funds available for A-Life *Joy-i*. You may refer to the Fund Fact Sheet for more details.

No.	Fund Name	Investment Objective	Instruments
1	<b>A-Dana Income</b>	To provide a safe and steady stream of income returns.	Invest in Islamic income securities (Sukuk), Islamic money market instruments and Shariah-approved Real Estate Investment Trusts (REITs) listed on Bursa Malaysia.
2	<b>A-Dana Equity</b>	To provide medium to long-term growth.	Invest in Shariah-approved equities, Real Estate Investment Trusts (REITs) and equity-related securities listed on Bursa Malaysia.
3	<b>A-Dana Balanced</b>	To maximize total returns with reasonable safety of principal.	Invests in ringgit denominated Shariah compliant instruments including sukuk, equity, and unit trust approved by Securities Commission.

The unit prices for the investment-linked funds are published on our website at [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my).

#### Q: Am I eligible for fund switching and what are the charges for fund switching?

Yes, you are allowed to switch your investment-linked funds according to your risk tolerance level. The fund switching charge is currently free. We reserve the right to revise the charge by giving you 3 months' prior written notice.

#### Q: Do I get to enjoy surplus?

Surplus will be determined and declared, if any, once a year by the Takaful Operator. If there is any surplus arising from the PRF, the net surplus, after deducting the claims payable, statutory reserves and required solvency capital shall be shared by the Takaful Operator and eligible Participants at the following ratios:

Takaful Operator	Participants
Surplus in PRF	50%

The surplus will be shared with the eligible Participants proportionally in accordance to their *Tabarru'* allocation and will then be credited into the Protection Account of each individual's PIF.

#### Q: Are the contributions paid for A-Life *Joy-i* eligible for income tax relief?

Yes, you may qualify for a personal tax relief for the contribution paid. The personal tax relief is up to RM 6,000 per annum for life insurance premiums and EPF contribution. If you attach A-Plus *PayorExtra-i* to A-Life *Joy-i*, the contribution payable under A-Plus *ScholarSaver-i* may qualify you for a personal tax relief up to RM 3,000 per annum under the category of insurance premiums for education and medical benefits. The actual tax relief is subject to the final decision of the Inland Revenue Board of Malaysia.

## For your attention

### General Disclosures

1. You should ensure that the plans will best serve your need and you can afford the contribution payable under this certificate.
2. If this certificate is cancelled within 15 days free look period, the *Wakalah* Fee, Account Value (if any), any *Tabarru'* and Monthly Service Charge that have been deducted less medical expenses (if any) will be refunded.
3. The *Tabarru'* for the plans is not guaranteed and AIA PUBLIC reserve the right to revise the *Tabarru'* by giving the Participant 3 months' prior written notice.
4. **The plans are investment-linked Takaful plans and are tied to the performance of underlying assets, and they are not a pure investment product such as unit trust.**
5. In the event of non-payment of your contribution, your certificate will remain in-force, as long as your Account Value in Participant's Investment Fund (PIF) is sufficient to cover the relevant charges. If any contribution is unpaid and the Account Value of PIF becomes insufficient to cover the relevant certificate charges, your certificate shall lapse after the grace period.
6. This Takaful plan will not provide benefit from Participants' Risk Fund (PRF) upon termination, maturity or expiry of the certificate.
7. Please refer to the Product Illustration for guaranteed benefits under this plan.
8. Participating in a regular contribution Family Takaful certificate is a long-term commitment. It is not advisable to hold this plan for a short period of time in view of the high initial costs.
9. You may consider participating in a single contribution investment-linked Takaful plan to maximize your investment returns with minimal life protection. However, this option may not fulfill your life protection needs.
10. This brochure provides a summary of the main features of the plans. It does not constitute a Takaful Certificate. Please refer Takaful Certificate for more details or exact terms and conditions.
11. Should you require additional information about Family Takaful, please refer to the *insuranceinfo* booklet on "Family Takaful", "Investment-linked Takaful" and "Medical and Health Takaful Plan" at any AIA Customer Centre, or visit [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

### Fund Related Disclosures

1. Before investing into the Investment-Linked Fund(s) ("Fund"), you should consider whether this Fund meets your investment objective and tolerance to risk.
2. You should be aware that any investment carries with it a certain level of investment risk which will be borne solely by the Participant.
3. The Account Value in Participant's Investment Fund (PIF) is not guaranteed and fluctuates based on the performance of the Fund, and the returns maybe less than the total contributions contributed to the Fund.
4. The returns of the Fund (if any) will be based on the actual performance of the Fund. The underlying assets of each Fund are valued on each business day to determine the unit price of a unit.
5. The performance of the Fund is not guaranteed and the value of investment and their derived income may increase or decrease. Past performance is not a guide to future or likely performance.
6. AIA PUBLIC reserves the right to suspend the issuance or redemption of units in any exceptional circumstances such as temporary closure of any relevant registered exchange or possible adverse effect of general sales of investment in a short period.

### Goods and Services Tax (GST)

A Goods and Services Tax (GST) will be chargeable at the prevailing rate on the *Tabarru'* for the taxable riders of your certificate, if attached to your certificate. The GST is also chargeable on the fees and charges applicable to your certificate. These amounts will be deducted from the account value of your certificate.

This brochure contains only a brief description of the product and is not exhaustive. It is recommended that you request for a copy of the Product Illustration, Product Disclosure Sheet and Fund Fact Sheet to know more about this product. For a detailed explanation of its benefits, exclusions, terms and conditions, please refer to the Takaful Certificate.

## Tentang AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) dimiliki bersama oleh AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik.

AIA PUBLIC komited dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.

## About AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) is jointly owned by AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) and Public Islamic Bank Berhad (a wholly-owned subsidiary of PBB). Incorporated on 11 March 2011, AIA PUBLIC leverages on AIA and PBB Group's leadership positions as well as established infrastructure and distribution networks in the insurance and banking industries to drive growth and increase the Family Takaful penetration in the domestic market.

AIA PUBLIC is committed to offering the right Shariah solutions to meet the different life stages needs of our customers.

## Hubungi Kami untuk Maklumat Lanjut / Please Contact Us for More Information

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA LIFE PLANNER yang dibenarkan.



Anda juga boleh menghubungi kami di alamat dan talian berikut:

**AIA PUBLIC Takaful Bhd.** (935955-M)  
99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  
Customer Contact : 1300 88 8922  
F : 03-2056 3690  
E : my.customer@aipublic.com.my

AIA.COM.MY

AIA PUBLIC Takaful Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. / AIA PUBLIC Takaful Bhd. is licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.